

**Anwar Gagal Hadir Ceramah Di Stadium Sultan Abdul Halim  
Bernama  
3 Mei, 2013**

ALOR SETAR, 3 Mei (Bernama) -- Penasihat Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Seri Anwar Ibrahim Jumaat gagal hadir pada program 'Sepetang Bersama Datuk Seri Anwar Ibrahim' di Stadium Sultan Abdul Halim, Suka Menanti di sini.

Program sepatutnya bermula 3.30 petang dan apabila sehingga 6.30 petang Anwar masih belum tiba, pengacara majlis memaklumkan Penasihat PKR itu tidak dapat hadir kerana terperangkap dalam kesesakan trafik di Pokok Sena dan harus segera ke Sungai Petani bagi sesi ceramah malam ini.

Bagaimanapun, Setiausaha Politik I Anwar, Mohd Shukri Md Saad berkata Anwar tidak dapat hadir kerana sejak awal sudah terlewat untuk ke Pedu dan Pokok Sena disebabkan helikopter yang sepatutnya mengambil pemimpin itu di Langkawi tidak dapat pelepasan dari Subang.

"Sepatutnya helikopter tu ambil Datuk Seri Anwar di Langkawi dan terus ke Pedu, tapi disebabkan gagal dapat pelepasan kami hanya dapat pesawat lain untuk bawa beliau dari sana kira-kira pukul 4.30 petang tadi".

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=947279>